

23/05/2003

Pengamal perubatan perlu pertingkat ilmu: PM

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pengamal bidang perubatan perlu meningkatkan pengetahuan bagi menghadapi penyakit dan wabak baru yang kini semakin banyak ditemui di dunia.

Beliau berkata, dunia kini menyaksikan bagaimana bakteria dan virus melalui perubahan dan seperti melancarkan serangan terhadap manusia yang masih belum belajar cara mengawal serangan ini.

"Jika kita gagal menangani virus dan bakteria baru ini, kita akan dikalahkan," katanya pada Majlis Makan Malam Peringkat Negeri 2003 dan Perasmian Mesyuarat Agung ke 43 Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Hotel Putrajaya Marriott, di sini malam tadi.

Pada majlis itu, Pengerusi Yayasan Arab Malaysian, Tan Sri Azman Hashim menyerahkan cek bernilai RM100,000 kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang kemudian menyerahkannya kepada Pemegang Amanah Yayasan MMA, Datuk Dr Yeoh Poh Hong. Turut hadir Presiden MMA, Datuk Dr N Athimulan.

Dr Mahathir berkata, kini wujud pelbagai penyakit baru seperti HIV/Aids, Japanese Encephalitis dan Nipah, jenis malaria dan batuk kering baru, selain Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Untuk merawat penyakit lama adalah mudah dengan ubat-ubatan tersedia tetapi bagi merawat sesetengah penyakit baru ini, anda perlu tahu apa akan terjadi kepada anda (dokter dan pegawai kesihatan).

"Mungkin seorang yang dijangkiti penyakit itu akan menyebarkannya hanya dengan merenung ke mata anda," katanya.

Dr Mahathir berkata, penyebaran penyakit seperti ini mungkin menarik untuk dijadikan filem dan mungkin ada pihak akan berbuat demikian.

"Ramai akan terhibur dengan filem ini, tetapi ia mungkin benar-benar terjadi dalam kehidupan," katanya.